

**PUBLIC ISLAMIC U.S. SUSTAINABLE EQUITY FUND
(PUBLIC DANA EKUITI LESTARI U.S. ISLAMIK)
(PIUSSEQF)**

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan PIUSSEQF dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserah simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PIUSSEQF dan penyerahan simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PIUSSEQF, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PIUSSEQF dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.

HELAIAN PENTING PRODUK

Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan untuk melabur.

PIUSSEQF telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah yang dilantik untuk dana.

PIUSSEQF adalah Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab yang layak di bawah Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab.

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Apakah produk ini?

Jenis produk	Dana amanah saham
Modal dilindungi atau dijamin	Tidak
Pengurus dana	Public Mutual Berhad
Pemegang amanah dana	AmanahRaya Trustees Berhad
Penasihat Syariah dana	ZICO Shariah Advisory Services Sdn. Bhd.
Pengedara dana	Perunding skim amanah saham Public Mutual Berhad

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah yang saya melabur?

Kategori dana	Ekuiti (patuh Syariah)
Objektif dana	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam portfolio pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah. <i>Nota: Jangka sederhana hingga panjang merujuk kepada tempoh 3 tahun atau lebih.</i>

Apakah yang saya melabur? (samb')

Alokasi aset	Saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah	75% hingga 98% daripada nilai aset bersih (NAB)
	Sukuk, instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam	2% hingga 25% daripada NAB
	Sehingga 25% daripada NAB dana boleh dilaburkan dalam dana dagangan bursa Islam yang layak Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan skim pelaburan kolektif Islam tidak tersenarai yang menjelaki indeks ESG.	
	Dana ini akan melabur dalam saham patuh Syariah syarikat-syarikat yang menggabungkan pertimbangan ESG dalam amalan perniagaan mereka. <i>Jika prospek pasaran ekuiti tidak menggalakkan, pendedahan saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah boleh dikurangkan ke paras yang lebih rendah daripada julat yang dinyatakan di atas manakala pendedahan terhadap sukuk, instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam boleh ditingkatkan, dengan syarat sekurang-kurangnya 2/3 daripada NAB dana dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah dan instrumen patuh Syariah yang tertakluk kepada pertimbangan ESG*, sebagai strategi defensif sementara.</i>	
	* Sekiranya pelaburan dana dalam sekuriti patuh Syariah dan instrumen patuh Syariah layak ESG jatuh ke bawah paras 2/3 daripada NABnya, dana akan membetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh masa yang sesuai yang tidak melebihi 3 bulan dari tarikh pelanggaran.	
	Aset asing patuh Syariah	Sehingga 98% daripada NAB dana
Lokasi aset	<ul style="list-style-type: none"> Amerika Syarikat Malaysia dan mana-mana pasaran asing terpilih lain (sehingga 25% daripada NAB). 	
Pendekatan pelaburan	Saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah	<p>Dana ini akan melabur dalam sekuriti patuh Syariah layak ESG yang merangkumi ahli indeks ESG*, syarikat yang dianggap layak ESG berdasarkan penarafan ESG oleh penyelia perkhidmatan** atau berdasarkan penilaian dalaman oleh Pengurus#.</p> <p>* Indeks ESG merujuk kepada indeks ESG yang disediakan oleh penyedia indeks antarabangsa seperti S&P Dow Jones Indices LLC, MSCI Limited dan FTSE International Limited.</p> <p>** Penarafan ESG oleh penyedia perkhidmatan merujuk kepada penarafan yang diperuntukkan oleh penyedia perkhidmatan seperti S&P Global, MSCI Limited dan FTSE International Limited berdasarkan metodologi untuk penarafan ESG.</p> <p># Sila rujuk halaman 5 dan 6 untuk maklumat lanjut mengenai penilaian dalaman oleh Pengurus.</p> <p>Berdasarkan penilaian dalaman Pengurus, syarikat-syarikat yang mencapai skor sekurang-kurangnya 50 mata (daripada 100 mata) dianggap sebagai saham layak ESG.</p> <p>Dana ini juga akan menggunakan pendekatan bawah ke atas dalam proses pemilihan saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah, yang bergantung kepada penyelidikan asas di mana keadaan kewangan, prospek industri, kualiti pengurusan dan rekod prestasi syarikat masa lalu akan dinilai.</p> <p>Pertimbangan ESG untuk pelaburan dana ini akan disemak secara bulanan untuk memastikan ia selaras dengan objektif dana dan impak keseluruhan pelaburan tersebut tidak bercanggah dengan pertimbangan kelestarian lain.</p> <p>Apabila syarikat penerima pelaburan tidak lagi memenuhi kriteria sebagai saham patuh Syariah layak ESG, dana akan mengambil tindakan berikut:</p>

Apakah yang saya melabur? (samb')

Pendekatan pelaburan (samb')	<p>Saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah (samb')</p>	<p>(i) Pengurus akan bekerjasama dengan syarikat penerima pelaburan untuk memperoleh rancangan dan strategi mereka untuk memperbaiki kedudukan ESG dalam tempoh 3 bulan. Pengurus akan membuat susulan untuk kerjasama seterusnya 3 bulan selepas kerjasama yang pertama dan jika terdapat penambahbaikan dalam kedudukan ESG, dana akan mengekalkan pelaburan tersebut. Jika selepas penglibatan kedua dengan syarikat penerima pelaburan, didapati penambahbaikan dalam kedudukan ESG syarikat tersebut tidak mencukupi, dana akan melupuskan pelaburannya dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penglibatan kedua, tertakluk kepada kecairan dasar saham. Pelupusan pelaburan sedemikian mungkin mengambil masa lebih daripada 3 bulan jika kecairan dasar adalah rendah. Proses ini akan diteruskan sehingga pelaburan dilupuskan sepenuhnya.</p> <p>(ii) Jika tiada maklumat mencukupi daripada syarikat penerima pelaburan tentang usaha untuk memperbaiki kedudukan ESGnya atau langkah yang dilaksanakan oleh syarikat penerima pelaburan dianggap tidak mencukupi atau syarikat penerima pelaburan enggan bekerjasama dengan Pengurus dalam tempoh 3 bulan, dana akan melupuskan pelaburannya dalam tempoh 3 bulan dari tarikh ia tidak lagi memenuhi kriteria layak ESG, tertakluk kepada kecairan dasar saham. Pelupusan pelaburan sedemikian mungkin mengambil masa lebih daripada 3 bulan jika kecairan adalah rendah. Proses ini akan diteruskan sehingga pelaburan dilupuskan sepenuhnya.</p>
	<p>Skim pelaburan kolektif Islam</p>	<p>Dana ini akan melabur dalam dana dagangan bursa Islam yang layak ESG dan skim pelaburan kolektif Islam tidak tersenarai yang menjelaki indeks ESG*. Kesesuaian skim pelaburan kolektif Islam ini akan dinilai berdasarkan integrasi ESG, metodologi saringan positif dan negatif untuk memastikan ia selaras dengan strategi pelaburan dana.</p> <p>Integrasi ESG merangkumi penilaian kuantitatif dan kualitatif data ESG secara sistematis dalam metodologi pelaburan skim pelaburan kolektif. Saringan positif mengutamakan pelaburan dalam syarikat yang menunjukkan prestasi ESG yang positif secara relatif kepada rakan industri, seperti ahli indeks ESG dan sekuriti dengan skor ESG yang diperoleh daripada penyedia data ESG, yang termasuk dalam separuh bahagian teratas skala. Saringan negatif mengecualikan syarikat yang terlibat terutamanya dalam sektor tertentu yang mempunyai risiko ESG yang tinggi seperti sektor berkaitan tembakau dan senjata.</p> <p>* Indeks ESG merujuk kepada indeks ESG yang disediakan oleh penyedia indeks antarabangsa seperti <i>S&P Dow Jones Indices LLC, MSCI Limited dan FTSE International Limited</i>.</p> <p>Skim pelaburan kolektif Islam ini akan disemak apabila terdapat perubahan pada metodologi ESG untuk memastikan ia konsisten dengan objektif serta strategi dana dan impak keseluruhan pelaburan tersebut tidak bercanggah dengan pertimbangan ESG lain.</p> <p>Jika skim pelaburan kolektif Islam di mana dana melabur tidak lagi layak ESG dan/atau tidak lagi konsisten dengan objektif dan strategi pelaburan dana, dana akan melupuskan pelaburannya secepat mungkin dalam jangka masa yang sesuai tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mereka tidak lagi layak ESG dan/atau tidak konsisten dengan objektif dan strategi pelaburan dana.</p>

Apakah yang saya melabur? (samb')

Pendekatan pelaburan (samb')	Sukuk	<p>Dana akan melabur dalam sukuk seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Sukuk yang mematuhi rangka kerja Sustainable and Responsible Investment (SRI)/ESG yang diiktiraf seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Sukuk yang diterbitkan di bawah rangka kerja SRI Sukuk yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC); • Sukuk yang mana hasilnya digunakan untuk tujuan yang selaras dengan United Nations (UN) Sustainable Development Goals (SDG); berdasarkan pendedahan dalam dokumen maklumat sekuriti tersebut dan, jika ada, pengesahan mengenai penggunaan hasil tersebut oleh pihak bebas yang berkelayakan; • Sukuk yang menggunakan pakai Association of Southeast Asian Nation (ASEAN) Green Bond Standards, ASEAN Social Bond Standards atau ASEAN Sustainability Bond Standards; dan • Sukuk yang menggunakan pakai International Capital Market Association (ICMA) Green Bond Principles, ICMA Social Bond Principles, ICMA Sustainability Bond Guidelines dan ICMA Sustainability-Linked Bond Principles. (ii) Sukuk yang diterbitkan oleh syarikat (atau anak syarikat dan syarikat bersekutu) dengan skor ESG yang ditetapkan oleh penyedia ESG seperti FTSE Russell dan RAM Sustainability Sdn Bhd yang termasuk dalam separuh bahagian teratas skala; atau (iii) Sukuk yang mencapai skor sekurang-kurangnya 50 mata (daripada 100 mata) berdasarkan penilaian dalam Pengurus[#].
-------------------------------------	-------	---

^{# Sila rujuk halaman 5 dan 6 untuk maklumat lanjut mengenai penilaian dalaman oleh Pengurus.}

Pertimbangan ESG untuk pelaburan dana ini akan disemak secara bulanan untuk memastikan ia selaras dengan objektif dana dan impak keseluruhan pelaburan tersebut tidak bercanggah dengan pertimbangan kelestarian lain.

Apabila syarikat penerima pelaburan tidak lagi memenuhi kriteria sebagai sekuriti patuh Syariah layak ESG, dana akan mengambil tindakan berikut:

- (i) Pengurus akan bekerjasama dengan syarikat penerima pelaburan untuk memperoleh rancangan dan strategi mereka untuk memperbaiki kedudukan ESG dalam tempoh 3 bulan. Pengurus akan membuat susulan untuk kerjasama seterusnya 3 bulan selepas kerjasama yang pertama dan jika terdapat penambahbaikan dalam kedudukan ESG, dana akan mengekalkan pelaburan dalam sekuriti patuh Syariah tersebut. Sekiranya selepas penglibatan kedua dengan syarikat pelaburan, didapati penambahbaikan dalam kedudukan ESG tidak mencukupi, dana akan melupuskan pelaburannya dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penglibatan kedua, tertakluk kepada kecairan dasar sekuriti patuh Syariah. Pelupusan daripada pelaburan tersebut mungkin mengambil masa lebih daripada 3 bulan jika kecairan dasar adalah rendah. Proses ini akan diteruskan sehingga pelaburan dilupuskan sepenuhnya.

Apakah yang saya melabur? (samb')

Pendekatan pelaburan (samb')	Sukuk (samb')	(ii) Jika tiada maklumat mencukupi daripada syarikat penerima pelaburan tentang usaha untuk memperbaiki kedudukan ESGnya atau langkah yang dilaksanakan oleh syarikat penerima pelaburan dianggap tidak mencukupi atau syarikat penerima pelaburannya enggan bekerjasama dengan Pengurus dalam tempoh 3 bulan, dana akan melupuskan pelaburannya dalam tempoh 3 bulan dari tarikh ia tidak lagi memenuhi kriteria layak ESG, tertakluk kepada kecairan dasar sekuriti. Pelupusan pelaburan sedemikian mungkin mengambil masa lebih daripada 3 bulan jika kecairan dasar adalah rendah. Proses ini akan diteruskan sehingga pelaburan dilupuskan sepenuhnya.
	Instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam	<p>Alokasi aset untuk instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam akan bergantung kepada tren kadar faedah dan keadaan kecairan pasaran.</p> <p>Dana ini akan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam/ deposit Islam layak ESG di institusi kewangan domestik dan asing seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Instrumen pasaran wang Islam/deposit Islam yang diterbitkan oleh institusi kewangan (atau anak syarikatnya) yang merupakan ahli indeks ESG* atau yang mempunyai skor ESG yang termasuk dalam separuh bahagian teratas skala sebagaimana yang diperuntukkan oleh penyedia perkhidmatan ESG seperti FTSE Russell dan RAM Sustainability Sdn Bhd. Sebagai contoh, dana ini akan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam/deposit Islam yang diterbitkan oleh institusi kewangan (atau anak syarikatnya) dengan skor ESG 2.5 mata atau lebih tinggi (daripada 5 mata) seperti yang ditaraf oleh FTSE Russell. Skor ESG dinyatakan melalui skala numerik dari 1 hingga 5, dengan skor yang lebih tinggi menunjukkan risiko ESG yang lebih rendah; dan (ii) Instrumen pasaran wang Islam/deposit Islam yang mencapai skor sekurang-kurangnya 50 mata (daripada 100 mata) berdasarkan penilaian dalam Pengurus[#]. <p>Dana ini juga boleh melabur dalam instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam yang tidak layak ESG untuk tujuan kecairan.</p> <p>* Indeks ESG merujuk kepada indeks ESG yang disediakan oleh penyedia indeks antarabangsa seperti S&P Dow Jones Indices LLC, MSCI Limited dan FTSE International Limited.</p> <p># Sila rujuk halaman 5 dan 6 untuk maklumat lanjut mengenai penilaian dalaman oleh Pengurus.</p>
Penilaian Dalaman Pengurus bagi Aset layak ESG		

Model ESG dalaman ini direka dengan merujuk kepada Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Guide serta Malaysia Code of Corporate Governance. Ia menggunakan pendekatan bawah ke atas dalam proses penilaian untuk memperoleh penarafan ESG, yang terdiri daripada 3 tonggak iaitu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.

Alam Sekitar

Dalam tonggak Alam Sekitar, 12 tema alam sekitar terdiri daripada tema alam sekitar dan ekonomi yang berkaitan yang merujuk kepada Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Guide:

1. Risiko dan Peluang Kewangan berkaitan iklim
2. Pelepasan
3. Sisa dan bahan efluen
4. Air
5. Tenaga
6. Biodiversiti
7. Rantaian Bekalan (Alam Sekitar)
8. Tanggungjawab Produk dan Perkhidmatan (Alam Sekitar)
9. Bahan
10. Pematuhan (Alam Sekitar)
11. Pemuliharaan Tanah, Pencemaran atau Degradasi
12. Pinjaman Bertanggungjawab / Lestari

Apakah yang saya melabur? (samb')

Pendekatan pelaburan (samb')	<p><u>Sosial</u> Dalam tonggak Sosial, 12 tema sosial terdiri daripada tema sosial dan ekonomi yang berkaitan, yang merujuk kepada Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Guide: <ol style="list-style-type: none"> 1. Kepelbagaian 2. Hak Asasi Manusia 3. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 4. Tindakan Anti-Persaingan 5. Anti-Rasuah 6. Amalan Buruh 7. Masyarakat 8. Kesan Ekonomi Tidak Langsung 9. Pelaburan Komuniti 10. Tanggungjawab Produk dan Perkhidmatan (Sosial) 11. Rantaian Bekalan (Sosial) 12. Pematuhan (Sosial) </p> <p><u>Tadbir Urus</u> Dalam tonggak Tadbir Urus, terdapat 7 tema tadbir urus terdiri daripada prinsip dan garis panduan yang ditetapkan dalam Malaysian Code of Corporate Governance: <ol style="list-style-type: none"> 1. Tanggungjawab Lembaga 2. Komposisi Lembaga 3. Imbuhan 4. Jawatankuasa Audit 5. Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman 6. Penglibatan dengan Pihak Berkepentingan 7. Pendedahan dan Ketelusan Secara umum, 3 tonggak di atas adalah berwajaran sama rata dalam model ESG dalaman. Tema di bawah setiap tonggak diberikan wajaran berdasarkan kepentingan dan kaitannya dengan industri tertentu. Syarikat-syarikat penerima pelaburan dinilai dan diberi skor menggunakan model ESG dalaman berdasarkan pendedahan maklumat dan amalan ESG mereka yang berkaitan dengan tema yang dinyatakan di atas. Skor ESG dalaman diperoleh daripada jumlah skor berwajaran ini. Sekuriti patuh Syariah dan instrumen patuh Syariah yang mencapai skor ESG dalaman sekurang-kurangnya 50% (iaitu 50 mata daripada 100 mata) dianggap sebagai layak ESG. Skor dipantau secara berkala dan dikemaskini berdasarkan laporan kelestarian terkini syarikat.</p>
Penanda aras	Penanda aras dana ialah indeks penanda aras komposit berikut yang terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • 90% Indeks Syariah S&P Global 1200 U.S. LargeCap ESG 8% Capped • 10% Pasaran Wang Antara Bank Islam 3 Bulan (kadar IIMM 3 Bulan) Maklumat berkenaan penanda aras boleh diperoleh daripada sumber berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Indeks Syariah S&P Global 1200 U.S. LargeCap ESG 8% Capped - S&P Dow Jones Indices LLC. • Kadar IIMM 3 Bulan – Bahagian perniagaan dalam akhbar harian. Oleh sebab dana ini diuruskan secara aktif dan pemegangannya mungkin berbeza daripada penanda aras, profil risiko dana adalah tidak sama dengan profil risiko penanda aras. Prestasi dana dan penanda arasnya boleh diperoleh di laman web kami di www.publicmutual.com.my . Penanda aras digunakan hanya untuk tujuan mengukur prestasi kewangan dana. Sebarang perubahan dalam penanda aras dana akan dikemaskini di laman web kami dan/atau PHS dana.

KESESUAIAN PRODUK

Siapakah yang sesuai untuk dana ini?

Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur jangka sederhana hingga panjang yang boleh bertahan kenaikan dan penurunan pasaran saham dalam mencapai pertumbuhan modal.
-----------------------	--

RISIKO-RISIKO UTAMA

Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Risiko pasaran	Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan pelaburan akan kehilangan nilai akibat penurunan umum dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh keadaan ekonomi, politik dan/atau lain-lain faktor yang akan menyebabkan penurunan dalam NAB dana.
Risiko sekuriti patuh Syariah tertentu	Harga sesuatu sekuriti patuh Syariah tertentu mungkin berubah sebagai tindak balas kepada keadaan yang memberi kesan kepada syarikat individu. Oleh itu, penggerakan harga yang buruk sesuatu sekuriti patuh Syariah tertentu di mana dana melabur boleh menjelaskan NAB dan harga unit dana.
Risiko kecairan	Risiko kecairan merujuk kepada mudahnya untuk mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset yang didagang di pasaran. Jika dana melabur dalam aset yang tidak cair atau yang sukar untuk dilupuskan, nilai dana akan mengalami kesan negatif apabila aset tersebut terpaksa dijual pada harga yang kurang memuaskan.
Risiko mata wang	Jika dana melabur dalam aset yang diukur dalam mata wang asing, dana mungkin akan terdedah kepada risiko turun naik mata wang. Jika nilai mata wang di mana pelaburan didenominasi menyusut berbanding dengan mata wang tempatan, NAB dana boleh terjejas begitu juga sebaliknya. Bagi mengurangkan risiko tersebut, dana ini boleh menggunakan strategi perlindungan nilai. Walau bagaimanapun, dana tidak akan mendapat manfaat daripada sebarang potensi peningkatan jika mata wang bergerak ke arah yang bertentangan dengan strategi lindung nilai.
Risiko negara	Pelaburan patuh Syariah dana di sesebuah negara mungkin akan terjejas oleh perubahan keadaan ekonomi dan politik, sekatan penghantaran balik mata wang atau perkembangan lain dalam undang-undang atau peraturan negara di mana dana melabur. Sebagai contoh, keadaan ekonomi sesebuah negara yang merosot boleh memudaratkan nilai pelaburan dana di negara-negara tersebut. Ini seterusnya boleh menyebabkan NAB dana atau harga unit jatuh.
Risiko pelaburan ESG	Dana ini melabur dalam sekuriti patuh Syariah dan instrumen patuh Syariah yang layak ESG. Semasa semakan berkala yang dijalankan oleh Pengurus, sekuriti dan instrumen yang dilabur oleh dana pada masa kini mungkin diklasifikasikan semula sebagai tidak patuh ESG dan boleh memberi kesan kepada pegangan minimum sekuriti patuh Syariah dan instrumen patuh Syariah yang layak ESG oleh dana iaitu sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada NAB dana. Jika ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah-langkah yang perlu seperti yang dinyatakan dalam pendekatan pelaburan dana. Oleh kerana pelaburan dana tertakluk kepada pertimbangan ESG, pelaburan dana akan mengecualikan sekuriti patuh Syariah atau instrumen patuh Syariah yang tidak mematuhi pertimbangan ESGnya. Oleh itu, prestasi dana tidak boleh dibandingkan dengan prestasi dana lain yang tidak menggabungkan pertimbangan ESG.
Risiko ketidakpatuhan dengan keperluan Syariah	Risiko ini merujuk kepada risiko di mana kemungkinan saham patuh Syariah yang dilabur oleh dana dikategorikan semula sebagai tidak patuh Syariah semasa kajian semula secara berkala ke atas saham yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Penasihat Syariah atau lembaga Syariah indeks Islam yang berkaitan. Jika ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan saham tersebut. Mungkin terdapat kerugian melepas ke atas dana kerana dana tidak dibenarkan untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperoleh daripada pelupusan saham tidak patuh Syariah tersebut. Nilai dana mungkin terjejas sekiranya pelupusan saham tidak patuh Syariah dilaksanakan pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan.

Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.

YURAN & CAJ

Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Caj jualan	Sehingga 5.0% daripada NAB seunit. <i>Pengurus boleh mengikut budi bicaranya untuk mengenakan caj jualan yang lebih rendah.</i>			
Caj penebusan	Tiada			
Caj tukar ganti	Ke Dana Penerima Tukar ganti keluar/(Keluar)	Dana Ekuiti / Aset Campuran / Seimbang	Dana Sukuk / Bon / Pendapatan Tetap	Dana Pasaran Wang
Dalam masa 90 hari:				
- Unit beban		Sehingga 0.75%*	Sehingga 0.75%*	Sehingga 0.75%*
- Unit beban separa		Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*
Selepas 90 hari:				
- Unit beban		Sehingga RM50	Sehingga RM50	Tiada
- Unit beban separa		Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Tiada
Nota: <ul style="list-style-type: none"> Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang. Unit beban separa ialah unit yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang. * Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi.				
Caj pemindahan	Sehingga RM50 setiap pemindahan.			
Yuran pengurusan	1.80% setahun daripada NAB.			
Yuran pemegang amanah	0.06% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM18,000 dan yuran maksimum sebanyak RM600,000 setahun.			

Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.

Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.

PRESTASI PIUSSEQF

Pulangan Tahunan Purata bagi tempoh berikut berakhir 31 Mei 2025

	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan*
PIUSSEQF (%)	5.59	16.04	17.78	20.43
Indeks penanda aras (%)**	-1.76	13.73	17.38	19.48

Jumlah Pulangan Tahunan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mei

	2020	2021	2022	2023	2024	2025
PIUSSEQF (%)	18.72	21.09	5.37	14.84	22.14	5.59
Indeks penanda aras (%)**	16.91	26.99	4.29	11.66	28.70	-1.76

Ulasan Prestasi Dana 1 Tahun

PIUSSEQF mencatatkan jumlah pulangan sebanyak +5.59% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2025 berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak -1.76% dalam tempoh yang sama.

PIUSSEQF

Nota:

* Angka yang ditunjukkan adalah untuk tempoh sejak permulaan dana (dahulunya dikenali sebagai Public Islamic U.S. Equity Fund (PIUSEQF)) iaitu pada 30 April 2019. Selepas prospektus tambahan diterbitkan pada 26 Februari 2025, PIUSEQF telah menggunakan nama baharunya iaitu Public Islamic U.S. Sustainable Equity Fund (PIUSSEQF) untuk menggambarkan perubahan dalam dasar pelaburan, strategi pelaburan, penanda aras dan faktor risiko.

** Sebelum 26 Februari 2025, penanda aras dana adalah indeks komposit 90% Indeks Syariah S&P United States LargeCap dan 10% kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam 3 Bulan.

Berkuatkuasa dari 26 Februari 2025, Indeks Syariah S&P United States LargeCap telah digantikan dengan Indeks Syariah S&P Global 1200 U.S. LargeCap ESG 8% Capped kerana ia lebih menggambarkan strategi pelaburan dana yang baru.

Pengiraan pulangan di atas adalah berdasarkan NAB kepada NAB, dan sumbernya diperoleh daripada Lipper.

Pulangan tahunan purata dana diperoleh dengan membahagikan jumlah pulangan dana dengan bilangan tahun bawah kajian.

Tarikh permulaan ialah hari terakhir tempoh tawaran awal.

Nisbah Pusing Ganti (PTR)

	2023	2024	2025
PTR (kali)	0.28	1.10	0.66

PTR dana meningkat daripada 0.28 kali bagi tahun kewangan berakhir 2023 kepada 1.10 kali bagi tahun kewangan berakhir 2024 disebabkan tahap aktiviti pengimbangan semula yang lebih tinggi. Bagi tahun kewangan berakhir 2025, PTR dana kemudiannya berkurangan kepada 0.66 kali disebabkan tahap aktiviti pengimbangan semula yang lebih rendah yang dilaksanakan oleh dana.

Agihan

	2023	2024	2025
Agihan kasar seunit (sen)	-	-	-
Agihan bersih seunit (sen)	-	-	-

PRESTASI DANA PADA MASA LALU TIDAK MENJUNJUK UNTUK PRESTASI MASA HADAPAN

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penilaian

NAB dana ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di www.publicmutual.com.my.

Pembelian dan penebusan unit

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.

Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum*: RM1,000.
- Pelabur yang merupakan pelanggan Public Mutual Online (PMO) boleh membeli unit dana secara dalam talian.
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kios Pintar kami yang terletak di cawangan kami atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Jika sebaliknya, sila hantarkan borang permohonan pelaburan yang lengkap bersama-sama dengan cek kepada mana-mana cawangan Public Bank Berhad.
- Untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi Borang Pelabur Baharu atau mendaftar secara dalam talian melalui "New Investor Online Enrolment" di PMO.

Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum*: RM100.
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

Nota: * Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dan tambahan dari semasa ke semasa.

Pembelian dan penebusan unit (samb')



Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek

Pelabur Individu

Pelabur Korporat

Cek mestilah dibayar kepada:

"Public Mutual Berhad - Nama & Nombor MyKad/Pasport Anda".

"Public Mutual Berhad - Nama & Nombor Pendaftaran Syarikat Anda".

Sila tulis nama, nombor MyKad/pasport/nama & nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

Hak bertenang

- Hanya untuk pelabur individu kali pertama Public Mutual Berhad.
- Permintaan anda mesti dihantar sama ada kepada Ibu Pejabat Public Mutual Berhad atau mana-mana pejabat cawangannya dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad.
- Bayaran balik akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh pelaksanaan hak ini.
- Bayaran balik bagi setiap unit yang dilabur adalah jumlah harga unit (iaitu harga asal pada hari unit dibeli atau harga pasaran pada titik pelaksanaan hak bertenang, yang mana yang lebih rendah) dan caj jualan yang dikenakan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang diguna pakai, jika ada) pada hari unit dibeli.
- Kakitangan Pengurus dan individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk berurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini.

Penebusan

- Unit penebusan minimum: 1,000 unit.
- Anda boleh melaksanakan permohonan penebusan anda melalui PMO atau dengan mengisi dan menyerahkan borang penebusan pada mana-mana hari urus niaga kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad yang terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad.
- Hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh penerimaan permohonan anda. Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda kurang daripada 1,000 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun.

ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.

Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.



ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.



ANDA DILARANG MENGELOUARKAN CEK DIATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

APA YANG ANDA PERLU TAHU

Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.

Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.

Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Apabila pecahan unit atau agihan diisyiharkan, berikutnya terbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan tersebut.

Apabila pecahan unit diisyiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit tambahan.

MAKLUMAT HUBUNGAN**Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?**

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Perunding skim amanah saham yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000; atau
- E-mel kami di customer@publicmutual.com.my.

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Financial Markets Ombudsman Service (FMOS):
 - (a) melalui telefon kepada : 03-2272 2811
 - (b) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.fmoss.org.my
 - (c) melalui surat kepada : Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan FMOS. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:
 - (a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di : 03-6204 8999
 - (b) melalui faks kepada : 03-6204 8991
 - (c) melalui e-mel kepada : aduan@seccom.com.my
 - (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.sc.com.my
 - (e) melalui surat kepada : Pejabat Pengguna & Pelabur
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No. 3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
4. Biro Aduan FIMM:
 - (a) melalui telefon kepada : 03-7890 4242
 - (b) melalui e-mel kepada : complaints@fimm.com.my
 - (c) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.fimm.com.my
 - (d) melalui surat kepada : Legal & Regulatory Affairs
Federation of Investment Managers Malaysia
19-06-01, 6th Floor Wisma Capital A
No. 19, Lorong Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

PHS ini akan dikemaskini pada 28 Ogos 2026. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di www.publicmutual.com.my untuk PHS yang telah dikemaskini.